

**Padankan PERIBAHASA pada Petak A dengan maksud yang sesuai di Petak B.
Tuliskan huruf di ruang jawapan yang disediakan.**

PETAK A			PETAK B	
Peribahasa		Jawapan	Maksud	
1.	Ukur baju di badan sendiri		A.	Perkara atau kerja yang susah menjadi senang kalau selalu dibuat.
2.	Sebagaimana acuan, begitulah kuihnya		B.	Apabila orang berbudi kepada kita hendaklah dibalas dengan bahasa yang sopan.
3.	Malu bertanya sesat jalan, malu berdayung sampan hanyut		C.	Seseorang anak itu akan menurut budi dan perangai ibu bapanya.
4.	Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa		D.	Mendidik anak biarlah sejak mereka dari kecil lagi.
5.	Kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya		E.	Sekiranya kita tidak mengetahui ataupun pasti akan sesuatu hal maka kita hendaklah bertanya kepada orang yang arif.
6.	Alah bisa tegal biasa		F.	Bertindak kerana berada dipihak yang benar atau untuk menegaskan kebenaran.
7.	Ringan tulang berat perut		G.	Melakukan sesuatu hendaklah mengikut kemampuan diri sendiri
8.	Melentur rebung biar dari rebungnya		H.	Janji hendaklah ditunaikan dan mesti ditepati.
9.	Berani kerana benar, takut kerana salah		I.	Orang yang rajin bekerja tentu akan mendapat rezeki dan memperoleh kesenangan.